Nyatakan nilai daripada pantun. (SP 2.3.1 (iii))

- mengelakkan diri daripada sikap berdendam
- menghormati jiran tetangga
- mematuhi nasihat ibu bapa
- menghargai sahabat kita

1.

Duduk bersandar di pohon kelapa,
Di tanah rata tanam meranti;
Patuhilah nasihat ibu bapa,
Hidup kita akan diberkati.

Kita mestilah _____
_____
_____.

2.

Malam-malam pasang pelita,
Duduk termenung di tepi tiang;
Hargailah sahabat kita,
Sahabat senang tersenyum riang.

Kita sewajarnya _____
_____
_____.

3.

Beli siakap di Batu Berendam,
Langit redup petik kuini;
Elakkan sikap suka berdendam,
Pasti hidup aman harmoni.

Kita haruslah _____
_____
_____.

4.

Letak joran di bawah tangga,
Takut ditimpa upih kelapa;
Hormatilah jiran tetangga,
Ketika berjumpa bertegur sapa.

Kita hendaklah _____
_____
_____.

Scanned with CamScanner
LIVEWORKSHEETS